



Pejuang Kanser

KELUARGA PENGUAT SEMANGAT

Mahazani Ali, seorang pesara kerajaan yang dahulunya berkhidmat di MARA Japan Industrial Institute (MJII). Perjalanan sebagai seorang caregiver bermula pada awal tahun 2018, tahun yang mengubah seluruh hidup saya dan keluarga.

Segalanya bermula apabila isteri beliau disahkan menghidap kanser. Berita itu datang seperti petir di siang hari. Satu kejutan besar yang sukar diterima. Sebelum ini, hanya mendengar kisah orang lain berdepan penyakit itu, tetapi kali ini, ujian itu menimpa keluarga sendiri. Pada waktu itu, beliau sekeluarga baru sahaja berpindah dari Kuantan, Pahang. Beliau dengan segera menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu yang penuh cabaran.

Sebagai suami dan penjaga kepada isteri, beliau perlu kuat bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk meyakinkan keluarga dan anak-anak supaya tidak patah semangat. Beliau mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab isteri, daripada mengurus rumah hinggalah kepada menyediakan keperluan anak-anak.



Rawatan kemoterapi dan radioterapi yang dilalui isteri beliau memakan masa yang lama. Beliau sekeluarga perlu menyesuaikan jadual dan urusan seharian. Dengan komitmen pekerjaan, beliau meluangkan masa untuk menjaga isteri hanya selepas waktu bekerja atau semasa sesi rawatannya.

Beliau bersyukur, anak sulung mempunyai waktu kerja yang fleksibel yang boleh untuk membantu menjaga ibunya yang menjalani rawatan di hospital. Walaupun tidak dapat menemani sepenuhnya Ketika isteri sedang membuat rawatan, beliau sentiasa memberi sokongan moral dan memastikan isteri tahu dia tidak berjuang sendirian.



Mahazani Ali

.....

“Setiap pengorbanan seorang penjaga pesakit kanser adalah doa yang hidup tidak didengar dengan telinga, tetapi dirasa dengan hati.”

“Dalam setiap penat dan air mata, ada kasih dan kekuatan”

.....

Sebagai suami dan penjaga kepada isteri, beliau perlu kuat bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk meyakinkan keluarga dan anak-anak supaya tidak patah semangat

Rakan-rakan sekerja turut memahami keadaan, memberi ruang dan bantuan bila diperlukan.

Dalam tempoh rawatan itu, Mahazani banyak menghabiskan masa bersama. Lebih memilih untuk mengisi masa dengan hobi isteri, agar fikirannya tidak terbeban. Kadang-kadang keluar bersiar-siar di taman, tetapi kebanyakan masa dihabiskan di rumah. Mahazani belajar untuk memahami perasaan isteri, walaupun tidak sepenuhnya dapat merasai apa yang dia tanggung.

Ujian ini sebenarnya mendekatkan diri dan keluarga kepada Allah SWT. Dulu, jarang bangun malam untuk berdoa, tetapi kini beliau dan isteri sama-sama mencari kekuatan melalui solat dan doa. Ujian kanser ini bukan hukuman, tetapi tanda kasih sayang Allah yang mahu hamba ini sentiasa mendekati-Nya.

“Kekuatan utama datang daripada keluarga sendiri iaitu daripada anak-anak, rakan-rakan dan terutama sekali isteri saya”, jelas Mahazani. Isteri beliau walaupun diuji dengan penyakit berat, tetap tabah dan tidak banyak krenah. Melalui pengalaman ini, Mahazani belajar bahawa kasih sayang, kesabaran, dan keimanan adalah ubat yang paling mujarab dalam menghadapi ujian hidup.



“Setiap air mata yang gugur, setiap malam yang panjang, dan setiap doa yang dipanjatkan adalah bukti cinta dan pengorbanan yang tidak ternilai. Jangan pernah rasa sendirian, kerana setiap langkah kecil yang diambil untuk menjaga orang lain, sedang mendekatkan kita kepada kasih sayang Tuhan yang besar,” ungkap Mahazani.

Apabila seorang ahli keluarga menghidap penyakit seperti kanser, keluarga tidak sepatutnya menjauh, sebaliknya perlu lebih rapat dan memahami. Sokongan emosi amat penting bagi pesakit.

“Jika kita tidak menjaga kesihatan dan ketenangan diri, bagaimana kita mahu menjaga orang lain? Jagalah kesihatan fizikal dan mental, bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, dan jangan biarkan pesakit merasa sendirian”



“Jika kita tidak menjaga kesihatan dan ketenangan diri, bagaimana kita mahu menjaga orang lain? Jagalah kesihatan fizikal dan mental, bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, dan jangan biarkan pesakit merasa sendirian”, pesan Mahazani kepada caregiver. Walaupun seseorang pesakit telah disahkan bebas kanser, Mahazani sekeluarga terus berhati-hati, memastikan isteri menjalani gaya hidup yang lebih baik agar kanser tidak Kembali lagi.

Beliau dan isteri sering mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Kanser KanWork seperti aktiviti sokongan, berjalan dan serta sesi perkongsian pengalaman. “Aktiviti ini membantu saya dan keluarga kekal positif serta memberi peluang mengenali ramai penjaga dan pesakit lain yang senasib”, ujar Mahazani.

